



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	2/1/2020	MUKA SURAT	: 40
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Sesi persekolahan di SRIDI ditangguh

Kuala Terengganu: Hari pertama sesi persekolahan di Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) Wakaf Mempelan, di sini semalam terpaksa ditangguhkan kerana sekolah itu tidak dilengkapi kemudahan bekalan air dan elektrik.

Tinjauan di sekolah menunjukkan 110 murid itu yang beroperasi di bangunan rumah kedai berhampiran Pasar Chabang Tiga, mendapati murid terpaksa berhimpun dalam kelas yang panas dan gelap kerana kurangnya cahaya bertukar tiada bekalan elektrik.

Malah, pengurusan sekolah juga terpaksa menyediakan air yang disimpan dalam bekas besar untuk kegunaan murid di tandas dan mencuci tangan di kahtin.

Ciri-ciri keselamatan SRIDI yang baru berpindah dari lokasi sebelum ini di bangunan Yayasan Islam Terengganu (YIT) Lonsong, juga dipertikaikan ibu bapa yang bimbang keselamatan anak mereka berkitiran kedudukan sekolah berhampiran jalan raya, sungai dan Pasar Chabang Tiga.

SRIDI sebelum ini dikenali de-

ngan nama Sekolah Rendah Agama Yayasan Islam Terengganu (SRAYIT) dan dikendalikan YIT sebelum diambil alih Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) setahun lalu.

Pensyarah di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Norhidawati Wahab, 50, berkata beliau kecewa dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) yang menguruskan sekolah berkenaan kerana gagal menyediakan kemudahan asas sepatutnya serta mengabaikan aspek keselamatan murid.

"Lihat sahajalah keadaan sekolah ini. Hari ini (semalam) murid memulakan persekolahan di lokasi baharu, namun tiada elektrik dan air. Bagaimana mahu belajar dalam kelas yang panas kerana tiada elektrik dan untuk ke tandas pula tiada air?"

"JHEAT seperti mengambil mudah isu keselamatan murid. Kedudukan sekolah bersebelahan Pasar Chabang Tiga menjadikan suasana pembelajaran tidak kondusif kerana faktor kebersihan," katanya.

"Kawasan sekolah ini terletak



Sistem pendawaian elektrik yang belum sempurna dipasang menyebabkan sesi persekolahan di SRIDI terpaksa ditangguh.

(Foto Haneeyzah Bariah Bahrain/BH)

berhampiran sungai dan jalan raya, tetapi tiada khidmat pengawal keselamatan atau pagar dipasang untuk memastikan keselamatan murid. Sesiapa saja bebas keluar masuk ke kelas terutama ketika ketiadaan guru dan ia menyebabkan ibu bapa bimbang keselamatan anak," katanya.

Penolong Kanan Pesuruhjaya Pengurusan Akademik Peperiksaan dan Penilaian JHEAT, Toh

Puan Aida Tengah, berkata persekolahan SRIDI Wakaf Mempelan akan ditangguhkan sehingga Ahad ini bagi menyelesaikan isu yang timbul.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata kerajaan negeri akan menambah baik pengurusan SRIDI dan akan berusaha memastikan masalah bekalan air dan elektrik tidak berulang.